



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2024 / 23 RABIULAWAL 1446H

**91 WARGA ASING DITAHAN DALAM SERBUAN KILANG KITAR SEMULA
BAHAN BESI**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah membuat serbuan ke atas sebuah kilang barangan kitar semula bahan besi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan dalam satu Operasi Bersepadu yang dijalankan pada 25 September 2024. Operasi bermula pada jam 12.00 tengahari melibatkan sepasukan pegawai dan anggota pelbagai pangkat dari Jabatan JIM Negeri Pahang dan Bahagian Pencegahan ATIPSOM & AMLA Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dengan kerjasama dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang.

Berdasarkan maklumat awam dan risikan yang dijalankan selama dua minggu, pasukan operasi telah diatur gerak ke lokasi dan berjaya menahan seramai 91 warganegara asing pelbagai negara yang terdiri daripada 43 lelaki warganegara China, 21 lelaki warganegara Pakistan, 19 lelaki warganegara Bangladesh, seorang lelaki warganegara Indonesia, lima wanita warganegara China dan dua wanita warganegara Myanmar berusia dalam lingkungan 21 hingga 60 tahun. Operasi ini turut menggunakan pendekatan mengenal pasti mangsa pemerdagangan orang (buruh/perkhidmatan paksa) dalam kalangan golongan rentan dengan berpandukan *National Guideline on Human Trafficking Indicators (NGHTI) 2.0*.

Modus operandi kilang ini adalah memproses sisa dan bahan besi yang melibatkan peleraian dan pembakaran untuk dijadikan besi yang baru dan bahan pembinaan. Semasa serbuan dilakukan, terdapat pekerja warganegara asing cuba melarikan diri serta bersembunyi di dalam kawasan kilang yang sangat luas dan dipenuhi timbunan besi yang menyukarkan anggota serbuan untuk melakukan pemeriksaan, namun berjaya dipatahkan oleh anggota serbuan. Hampir kesemua pekerja warganegara asing ini tidak diberikan kelengkapan keselamatan kerja yang boleh menyebabkan risiko kecederaan.

Kesemua warganegara asing ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 di tahan di Depot Imigresen Kemayan, Pahang untuk siasatan lanjut. Sebanyak tujuh Notis untuk hadir ke pejabat bagi membantu siasatan dikeluarkan kepada warganegara Malaysia yang berada di lokasi sewaktu operasi dijalankan.

Jabatan akan meneruskan tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Anti Permerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**